A Singapore Government Agency Website



Coming soon in June 2023. NewspaperSG will be refreshed with a new look and user experience. Stay tuned!



# Pelanduk dua serupa?

The Straits Times, 25 April 1983, Page 64

Article also available on Microfilm Reel NL13994

Previous Article Next Article Previous Page Next Page

Scroll to Top

# Pelanduk dua serupa?

"SEMUA sudah suratan takdir," kata pengarah filem Yusaini Amir dari Segugus Film Production, yang kini sedang mengusahakan filem $600,000 berkenaan allahyarham P. Ramlee.

Minggu lepas, hampir sebulan selepas projek itu dilancarkan, sebuah sidang akhbar di Pulau Pinang diberitahu bahawa pelakon bagi watak P. Ramlee telahpun ditemui.

Namanya Daud Yusoff, 22 tahun, dan seorang pembantu makmal di sebuah universiti di Kuala Lumpur.

Pemilihan itu mendapat restu dari Encik Abu Bakar Mohamad dari Pulau Pinang yang merupakan guru muzik pertama allahyarham P. Ramlee dan rakan karibnya.

Menurut butir-butir yang tercatat dalam surat permohonannya, Daud dilahirkan di Perak dan kini menetap di Kampung Sungai Ramal Baharu di Kajang, Selangor. Minatnya ialah menyanyi dan

## Information



Newspaper:
The Straits Times

Date:
25 April 1983

Reel Number:
NL13994

Share

Table of Contents

menari.

Memainkan peranan Azizah, gadis impian hati allahyarham semasa allahyarham tinggal di Pulau Pinang dan sumber-ilham lagu *Azizah* ialah Azlina Hashim.

"Penemuan Azlina juga adalah suratan takdir," tambah Encik Yusaini.

Sebenarnya, Hishamuddin, 11 tahun dan adik kepada Azlina telah memohon untuk memainkan peranan P. Ramlee semasa kecil. Tetapi Hisham terlupa memberikan namanya dalam surat permohonan itu. Nasib baik gambarnya memberikan alamat Kampung Melayu, Air Hitam, Pulau Pinang.

Bila Encik Yusaini melihat raut muka Hisham yang hampir sama dengan gambar allahyarham semasa kecil, beliau pun menghubungi Encik Abu Bakar agar menemaninya ke kampung itu.

Mereka telah melihat Hisham yang ketika itu sedang menunggang basikal di halaman rumahnya. Secara kebetulan mereka terlihat kakaknya, Azlina dan Encik Abu Bakar teringat bahawa muka gadis itu seiras dengan wajah Azizah, gadis impian allahyarham.

Satu perkara yang menarik ialah nama gelaran Hishamuddin di kampungnya itu ialah P. Ramlee.

---

23, of Kelang, Selangor, who is reportedly adept at speaking and singing like the late entertainer.

Playing the role of Azizah, P. Ramlee's secret love while he was staying in Pulau Pinang and for whom he wrote the song Azizah, will be 17-year-old Azlina binti Hashim.

"Her discovery was also fated," said Encik Yusaini. Actually, Azlina's younger brother, Hishamuddin, 11, had applied to the director to play the role of P. Ramlee as a child. But Hishamuddin had forgotten to include his name in his application letter. Fortunately, his photograph carried his home address in Kampung Melayu, Air Hitam, Pulau Pinang.

When Encik Yusaini saw the boy's resemblance to the real-life P. Ramlee, he tried to get in touch with Hishamuddin. He had

to go to Kampung Melayu, accompanied by Encik Abu Bakar, to search for him, without even knowing his name.

They managed to spot Hishamuddin, however, riding a bicycle outside his house. Then they caught sight of his elder sister, Azlina, and Encik Bakar was quick to point out that she had a face similar to that of Azizah's.

Interestingly, Encik Yusaini was later informed by residents of Kampung Melayu that Hishamuddin's nickname was P. Ramlee.


## Related Articles

**Penemuan dedah cara hidup sebelum kedatangan Islam**
*The Straits Times 9 March 1988*
Penemuan dedah cara hidup sebelum kedatangan Islam PERIHAL kehidupan

**Upacara akan bermula dengan suatu peristiwa sejarah**
*The Straits Times 13 November 1986*
Upacara akan bermula dengan suatu peristiwa sejarah HARON A. RAHMAN

**Bagaimana bekas penghulu pulau sesuaikan diri hidup di bandar**
*The Straits Times 14 September 1987*
Bagaimana bekas penghulu pulau sesuaikan diri hidup di bandar

National Library Board

Contact Us Feedback FAQ

ort Vulnerability Terms of Use Linking Disclaimer Privacy Statement Takedown Policy

©2023 Government of Singapore
Last Updated 2019-10-29